



Ruj. Kami : KPKT.100-2/1/4 JLD.2 ()
Tarikh : 19 Mac 2020

SEGERA

SEMUA SYARIKAT KREDIT KOMUNITI

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN AGAR TIDAK MENGENAKAN CAJ FAEDAH YANG TINGGI KEPADA PEMINJAM

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2 Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan jua, selaras dengan **Seksyen 17A**, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400], semua syarikat Kredit Komuniti (Pemberi Pinjam Wang) perlu mematuhi kadar caj faedah yang dikenakan ke atas setiap transaksi pinjaman wang yang dilakukan iaitu sebanyak 12% setahun bagi pinjaman yang bercagar manakala sebanyak 18% setahun bagi pinjaman tidak bercagar.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan adalah diingatkan untuk **TIDAK** sewenang-wenangnya mengenakan caj faedah yang lebih tinggi daripada kadar yang ditetapkan di dalam Akta 400 tersebut kepada peminjam terutamanya dengan keadaan negara yang sedang menghadapi wabak COVID -19 pada masa ini. Sebarang pelanggaran terhadap akta dan peraturan sedia ada, Y.Bhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan boleh diambil tindakan penguatkuasaan dan sekiranya didapati bersalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya sekali.

4. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Noorleza Binti Rajab', written over a faint grid background.

(NOORLEZA BINTI RAJAB)

Bahagian Kawalan Kredit Komuniti

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

s.k:

YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Datuk TKSU (Kesejahteraan Bandar)